Tun Ghafar Mohon Letak Jawatan Atas Nota

Datuk Rahman Hj Mohamad Yunus... kekas Setiausaha Sulit allahyarham Tun Abdul Ghafar Baba

Tun Ghafar tetap menggagahkan diri walaupun dalam keadaan sakit, tanda semangatnya untuk melihat gejala yang merosakkan UMNO ' dihapuskan dalam parti itu.

'*Mukadimah*

Pemergian bekas Timbalan Perdana Menteri yang juga bekas Timbalan Presiden UMNO, Tun Abdul Ghafar bin Baba telah meninggalkan seribu satu kenangan duka yang umumnya tidak diketa hui oleh kita semua. Pemergian patriot bangsa ini merupakan satu kehilangan besar dan amat dira sai, umpama hilangnya sebutir mutiara yang dianu gerahkan tuhan kepada negara tercinta ini. Rinti han, luahan, kekecewaan, penderitaan - dipercayai tidak banyak yang sampai ke pengetahuan rakyat negara ini.

Hanya setelah tokoh itu pergi, barulah kita sedar betapa Tun Ghafar, sebagai pejuang tulen telah melalui liku-liku dan keperitan hidup semasa kecil dan setelah menjadi pemimpin beliau ber susah payah serta berusaha dengan sepenuh hati demi melihat anak bangsanya, negaranya, bersatu padu dan bersama-sama menuju ke arah perpa duan yang lebih kuat. Itulah harapannya! Namun, setelah kehilangan jawatannya, kemana pergi rakan-rakan, kemana pergi pemimpin-pemimpin UMNO -beliau terlantar sakit, bersendirian.

Malah hasratnya untuk bertemu dengan pemim pin-pemimpin UMNO tertentu juga tidak kesampai an. Betapa pilu dan tergurisnya hati seorang pe juang, hatinya menangis tiada siapa yang tahu. War tawan *EraBaru,* Ahmad Sandi Affindi telah mewa wancara bekas Setiausaha Sulit Tun Abdul Ghafar Baba, Datuk Rahman Hj Mohamad Yunus bagi mengimbau pengalaman beliau yang melihat sen diri pahit manis dan perjuangan patriot bangsa ini. Ikuti wawancara dengan Datuk Rahman yang ber langsung baru-baru ini.

ERABARU : Bilakah Datuk bermula menjadi Setiausaha Sulit Tun Ghafar?

DATUK RAHMAN: Pada mulanya saya adalah Pega wai Khas Kerajaan, tetapi saya memulakan khidmat seba gai Setiausaha Sulit Tun Ghafar pada tahun 1992. Saya mengikut Tun Ghafar semasa beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO. Saya meneruskan juga tugas itu selepas Tun Ghafar melepas kan jawatannya dalam Parti dan Kerajaan, sehinggalah tokoh itu menghembuskan nafasnya yang terakhir. Saya mengikut beliau atas dasar perjuangan yang beliau du kung. Beliau merupakan nasionalis, seorang negarawan dan perjuangan beliau amat saya kagumi sehingga ke hari ini.

ERABARU: Sebagai Setiausaha Sulit kepada bekas Timbalan Perdana Menteri dan bekas Tim balan Presiden UMNO, Tun Abdul Ghafar, tentu Da tuk cukup masak dengan pengalaman serta peris tiwa-peristiwa yang dilalui oleh Tun Ghafar. Boleh Datuk ceritakan serba sedikit tentang beliau?

DATUK RAHMAN: Tun bagi saya adalah seorang tokoh politik paling komited untuk memartabatkan per juangan Melayu di negara ini. Ketika masih menjawat tanggungjawab sebagai orang kedua penting da lain Kerajaan dan parti, beliau telah melakukan banyak perkara, menjalankan segala tanggungja wab dengan bersungguh-sungguh dan penuh ama nah.

ERABARU: Sepanjang Datuk bersama de ngan Tun, apakah peristiwa yang Datuk ma sib ingat sehingga ke hari ini?

DATUK RAHMAN: Ada dua tiga perkara yang saya masih ingat tentang Tun Ghafar Pertama, apabila beliau mendapat anak kecil, anak bong sunya, Kartika Sari, hasil perkahwinan beliau de ngan Heryati Abdul Rahim, itulah yang amat mengembirakan beliau.

Peristiwa kedua, setiap kali memenangi pilihanraya, dari tahun 1995 hingga lah yang terakhir pada 1999, beliau amat senang hati, amat gembira kerana dapat memenangi setiap kerusi yang diwakilinya dan terus memikul tanggungjawab yang diamanahkan.

Beliau pernah bertanding di dua kawasan Parlimen iaitu di Jasin dan Batu Berendam. Selama setengah abad, usianya diabadikan dalam dunia politik Melayu. Itulah jiwanya, beliau telah mengorbankan begitu banyak masa untuk membangunkan parti, deminegara dan orang-or- ang Melayu. Kerana itulah beliau berkecimpung dalam politik.

***ERABARU:* Ketika pemilihan bagi jawatan Tim balan Presiden UMNO, Tun Ghafar telah tewas. Be narkah politik Wang adalah faktor utama Tun Gha far tewas dalam pemilihan yang ketika itu dimena ngi oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim?**

DATUK RAHMAN: Peristiwa yang tidak dapat saya lupakan ialah apabila beliau begitu kecewa dan terkilan dengan masalah yang dihadapi dalam UMNO. Dilema politik wang yang melanda pemimpin-pemimpin Melayu dalam UMNO. Ketika berada dalam parti beliau telah menyedari perkara itu dan mampu menjadi titik hitam yang dasyhat kepada parti.

Beliau amat kecewa sekali dan itulah faktor yang me nyebabkan beliau mengundurkan diri dalam pemilihan parti untuk jawatan Timbalan Presiden dan melepaskan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 19 November 1993.

Beliau tahu politik wang akan merosakkan pemimpin- pemimpin Melayu dan perlu dibanteras untuk memben dungnya. Tun Ghafar, walaupun telah melepaskan jawa tannya, beliau masih lagi prihatin dan ingin melihat peru bahan sikap dan amalan tidak sihat dalam parti. Biarpun dalam keadaan uzur tidak lama dahulu, beliau begitu bimbang pada politik wang.

Apabila berpeluang bercakap di forum, itulah perkara yang beliau selalu sebut-sebutkan. Itulah perkara yang selalu beliau bangkitkan. Beliau pernah mendapatkan dan mengumpulkan kira-kira 50 kawan-kawan lamanya dan sepakat menghantar memorandum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Memorandum yang dinamakan sebagai 'Petisyen 50 anggota' itu dianggotai oleh antaranya adalah bekas Setiausaha Agung UMNO; Tan Sri Mohamad Rahmat, bekas Ketua Penerangan UMNO Malaysia, Tan Sri Sanu si Junid dan bekas Yang Di Pertua Dewan Negara dan bekas Menteri Besar Kelantan, Tan Sri Dato' Hussein, dan bekas Menteri Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman. Dalam memorandum itu ada menyebut bahawa 'politik wang sungguh membahayakan kepada Parti!'

Bagi Tun Ghafar, kalau setakat belanja kawan-kawan minum kopi, itu tidak menjadi masalah. Tetapi apabila melibatkan politik wang, beliau benar-benar terkilan dan amat kecewa. Bagi beliau tidak ada gunanya dijalankan pemilihan parti sekiranya jawatan boleh dijual dan dibeli. Saya masih, ingat lagi beliau pernah berkata bahawa, kedudukan dan jawatan dalam parti seolah-olah "macam riak beli ikan di pasar! ''Berlaku secara terang-terangan di dalam UMNO.

Apa yang berlaku keatasnya, begitu di luar jangkaan. Ketika pemilihan untuk jawatan Timbalan Presiden UMNO, pencabar beliau, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah menggunakan politik wang untuk membeli perwakilan UMNO; Keadaan itu Tun melihat begitu ngeri, beliau tidak dapat bersaing kerana tidak mampu untuk memba yar, memberi wang kepada perwakilan. Tun turut berte gas, "Jika saya berduit sekalipun, saya tidak akan mem beli perwakilan!"

Bagi Tun, amalan itu amat bertentangan dan me nyalahi prinsip perjuangan UMNO itu sendiri. Selepas itu, Tun menarik diri kerana kecewa dengan keadaan itu. Beliau terus bercakap dimana-mana, harapannya supaya UMNO menolak sama sekali politik wang. Pada hari kelahirannya yang disambut oleh ahli-ahli veteran, Tun berkata "Kalau macam inilah keadaan Politik Wang dalam UMNO, lebih baik jawatan itu DILELONG sahaja! Hati Tun terguris sehingga saat-saat terakhir hidupnya.

***ERABARU:* Dalam pemerhatian Datuk, siapa kah pemimpin tertinggi UMNO yang selalu meng unjungi Tun Ghafar setelah beliau melepaskan ja watannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO ketika tokoh itu terlan tar sakit di hospital?**

DATUK RAHMAN: Selepas Tun melepaskan jawatan nya, tidak ada satu pun pemimpin tertinggi parti yang datang menjenguknya. Hanya selepas dua tahun, bekas PM, Tun Dr Mahathir ada mengunjungi beliau. Pada 1996 juga Tun Mahathir ada, datang menjenguk Tun Gha far.

Selepas itu baru ada pemimpin pemimpin tinggi atau tokoh-tokoh lain datang mengunjungi Tun Ghafar. Saya ingat hanya beberapa rakan lama yang datang melawat dan bertemu dengan Tun Ghafar keti ka beliau terlantar di hospital antaranya ada lah ahli Parlimen Gua Musang yang juga bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah. Dato' Nordin Salleh, rakan- rakan lama beliau termasuklah Aziz Yassin, Datuk Idris Tulis, Dato' Paduka Ibrahim Ali dan beberapa lagi.

Bila berjumpa, antara yang menjadi fokus perbincangan adalah berkenaan dengan UM NO. Baginya. UMNO adalah Melayu, Melayu adalah UMNO. Jika UMNO musnah, maka musnahlah juga Melayu.

Tiga perkara penting yang selalu diingatkan oleh Tun Ghafar. Pertama, Melayu dan UMNO. Kedua ekonomi, Ketiga adalah berkenaan Pen didikan. Beliau suka mengingatkan kawan kawan lama UMNO, perjuangan untuk mem pertingkatkan pendidikan anak-anak Melayu tidak pernah lepas pandangan dari beliau.



Bekas Setiausaha Sulit Tun Ghafar, Datuk Rahman Yunus kelihatan duduk di kanan Imam Besar Masjid Negara, Datuk Kamarudin ketika membaca Yassin di Pusara Tun Ghafar baru-baru ini. Juga kelihatan ialah Penerbit dan Ketua Pengarang EraBaru, Datuk Hj Idris Tulis yang duduk di kiri sekali.

- LIHAT MUKA 19

Tun Ghafar Mohon Letak Jawatan Atas Nota

ERABARU: **Kemana pergi nya rakan-rakan yang sering berdamping dengan Tun Ghafar ketika beliau masih berkuasa sebagai Timbalan PM dan Timbalan Presi den UMNO?**

DATUK RAHMAN: Saya tidak tahu ke mana mereka pergi. Tetapi bagi saya memang itulah perangai orang-orang UMNO. Bila berkuasa, adalah kawan tetapi bila sudah tiada pangkat dan kedudukan semuanya menghi langkan diri. Jika dulu, ketika Tun ada kedudukan dalam Kerajaan, sampai tengah malam pun ada 'kawan' yang datang, tetapi kini kemana perginya?

Saya tidak faham apa yang berlaku, apa niat sebenar mereka. Adakah sekadar untuk meraih kesempatan di atas kelebihan Tun pada ketika itu. Terpulang pada kita untuk mentafsir diri masing-masing. Tetapi, sebagaima na pandangan dan tanggapan saya, saya tetap mengata kan itulah wajah sebenar rakan-rakan tertentu dalam UMNO.

ERABARU: **Pernahkah Tun Ghafar meluahkan kekecewaannya kepada Datuk tentang sikap pe mimpin-pemimpin UMNO kini?**

DATUK RAHMAN: Tun Ghafar seorang yang tenang. Beliau tidak menampakkan kekecewaan dan rasa terki lannya pada air mukanya. Tetapi, memang jelas beliau betul-betul kecewa dengan sikap pemimpin-pemimpin UMNO tertentu. Kerana itulah beliau menarik diri dalam pemilihan parti. Kerana itu jugalah beliau menarik diri daripada terus mengekalkan jawatannya menjadi Timba lan Perdana Menteri.

Beliau pernah berkata, "Tiada gunanya menjadi Tim balan Perdana Menteri sekiranya tidak dapat memperta hankan kerusi kedua dalam UMNO". Begitulah kekesa lannya apabila ada pihak sanggup menggunakan taktik kotor dalam merebut jawatan itu. Baginya tiada makna bertanding sekiranya penyakit itu tidak dibendung. Apa yang jelas, Tun begitu kuat semangatnya untuk mengha puskan politik wang dalam UMNO. Itulah barah paling berbahaya baginya.

ERABARU: **Tun Ghafar pernah menyatakan hasratnya untuk berjumpa dengan pemimpin-pemimpin tertentu tetapi beliau yang ketika itu sakit terpaksa menerima jawapan yang lama dari pemimpin-pemimpin berkenaan. Bolehkah Datuk ceritakan tentang hasrat Tun Ghafar itu?**

DATUK RAHMAN: Tun pernah menyatakan hasrat nya untuk menemui seorang pemimpin, tetapi yang membuat beliau rasa terkilan, beliau terpaksa menunggu satu jangka masa bayang lama untuk mendapat jawapan dari pemimpin berkenaan. Namanya usahlah saya sebut kan disini. Itulah yang paling menyedihkan kerana Tun Ghafar telah memberi sumbangan yang cukup besar dalam Parti tetapi beliau seolah-olah dilupakan.

Apa yang buat Tun semakin sedih dengan sikap pemimpin UMNO, situasi itu berbeza apabila beliau ada meminta untuk berjumpa dengan pemimpin pembang kang. Saya masih ingat lagi, apabila saya membuat per mintaan Tun untuk berjumpa dengan Menteri Besar Kelantan yang juga pemimpin PAS. Tuan Guru Nik Aziz Nik Mat. Seingat saya tidak sampai seminggu, pihak Nik Aziz memberi maklum balas positif. Dua pemimpin itu berjumpa di Kota Bharu.

Tun berbincang dengan Nik Aziz tentang masalah orang Melayu, pendidikan orang Melayu, dan ekonomi orang Melayu. Sayang, pemimpin tertentu dalam UMNO tidak menghargai pengorbanan Tun kepada agama, bang sa dan negaranya. Sehinggake akhir hayatnya Tun masih memikirkan tentang nasib bangsanya.

ERABARU: **Ketika Tun Ghafar sakit, pernahkah beliau menyatakan sesuatu kepada Datuk dan apa yang merungsingkan beliau?**

DATUK RAHMAN: Sebagaimana yang saya katakan tadi, setiap kali Tun menemui sesiapa sabaja, Tun akan bercakap tentang tiga topik tadi. Tidak pernah lari dari persoalan itu.

ERABARU: **Ada sesuatu perkara yang ingin Da tuk sampaikan untuk pengetahuan rakyat negara ini tentang Tun Ghafar yang belum diketahui umum?**

DATUK RAHMAN: Saya ingat, satu perkara yang tidak akan saya lupakan sampai bila-bila. Permohonan Tun Ghafar untuk meletak jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dibuat di atas sehelai kertas nota. Keti ka hendak berlepas ke Korea Selatan dan Beijing, Tun meminta saya mencari satu kertas, tetapi beliau tidak memberitahu saya apa maksudnya meminta kertas itu.

(Beliau menulis surat itu di Airport Subang dan kemu dian bertanya kepada rombongannya, jika ada sesiapa yang tidak pergi dari tinggal, Dia bertanya kepada saya, adakah saya turut serta dan saya katakan yang saya pergi bersama.

Ada seorang yang tidak pergi maka Tun Ghafar me minta beliau untuk menyampaikan surat kepada Per dana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed sebe lum Tun Ghafar kembali ke Malaysia dari lawatan rasmi berkenaan.

Ketika kembali ke negara ini, saya lihat ramai yang datang menyambut Tun dan saya menjangka bahawa mereka telah tahu tentang hasrat Tun meletak jawatan. Itulah peristiwa yang tidak dapat saya lupakan tentang Tun.